


Patuh SOP Kunci Kejayaan Perangi COVID-19

Oleh: Nur Humairah Binti Ismail

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 7 Julai 2021

Sudah hampir dua tahun kita berusaha menangani pandemik COVID-19. Kini, kita berdepan pula dengan varian-varian baharu yang mewujudkan situasi kritikal di beberapa buah negara termasuk Malaysia.



Gambar hiasan

Kita di Malaysia telah mengamalkan segala saranan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Kerajaan juga telah melaksanakan sekatan pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19.

Namun, mengapa Malaysia masih tidak menunjukkan trend penurunan kes positif COVID-19? Di manakah silapnya?

Realitinya, sehingga hari ini kita masih menyaksikan segelintir anggota masyarakat melanggar prosedur operasi standard (SOP). Meskipun jumlah jangkitan dan kematian semakin meningkat, masih ada yang berdegil dan tidak memberi kerjasama yang baik.

Singapura pernah mencatatkan jumlah jangkitan harian yang agak tinggi iaitu sebanyak 1,426 kes yang berpunca dari kluster asrama.

Namun, kini Singapura merupakan antara negara yang berjaya mencatatkan kurang daripada 40 kes jangkitan positif setiap hari sejak 15 September 2020. Begitu juga dengan Brunei.

Pasti kita menyangka mudah sahaja bagi mereka memutuskan rantai COVID-19 kerana kedua-dua buah negara tersebut keluasannya kecil. Walhal, pendekatan rakyat di kedua-dua negara tersebut adalah berbeza dengan di negara kita.

Pengarah Perubatan Klinik Perubatan Antarabangsa Singapura, Dr Lim Hui Ling, dalam satu artikel menyatakan, sebahagian besar masyarakat Singapura bertindak penuh bertanggungjawab dalam mengamalkan norma baharu dengan memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal dan tidak berkumpul secara beramai-ramai.

Mereka tidak hanya mengharapkan pihak atasan atau barisan hadapan sahaja memerangi pandemik ini. Malah, mereka turut berkerjasama membantu mengekang penularan COVID-19 bagi melindungi diri dan keluarga mereka.

Selain Singapura dan Brunei, kita juga boleh mengambil pengajaran dari negara Mauritius yang turut mendapat pujian WHO. Meskipun telah berjaya mengekang penularan, mereka sentiasa berwaspada.

Memetik laporan jurnal BMJ Global Health, Penasihat Kanan Perdana Menteri Mauritius, Dr Joomaye Zouber berkata, masyarakat di negaranya lebih bersedia dengan mengambil langkah sewajarnya apabila kes tempatan dikesan.

Mereka juga menyambut baik dan menghormati segala arahan yang ditetapkan oleh kerajaan. Misalnya, mereka akur dengan arahan yang membenarkan pembelian barang sebanyak dua kali seminggu selama 30 minit dengan mengikut urutan abjad nama keluarga.

Pada masa yang sama, golongan berisiko tinggi pula dihalang keluar berbelanja melainkan mereka yang tidak mempunyai waris sahaja dibenarkan berbuat demikian dengan had masa selama sejam pada waktu pagi.

Mereka juga menunjukkan tingkah laku yang baik seperti tiada pembelian panik, sentiasa memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal.

Menurut laporan cajnnews Africa, Mauritius turut memperhebatkan kempen vaksinasi dan sekurang-kurangnya sebanyak 60 peratus golongan dewasa telah disuntik vaksin. Kini, sebanyak 16.4 peratus rakyat Mauritius telah divaksinasi.

Walaupun Mauritius bukan sebuah negara maju, pemikiran rakyatnya lebih matang dan sentiasa bekerjasama sekali gus membuktikan langkah dan proses seperti pencegahan, pengasingan, ujian pengesanan dan rawatan yang mereka amalkan berjaya.

Sikap yang ditunjukkan oleh rakyat di beberapa buah negara yang berjaya mengekang pandemik ini sewajarnya dijadikan teladan oleh rakyat Malaysia.

Sememangnya, kita tidak mahu pandemik COVID-19 terus-menerus bermaharajalela. Kita juga tidak mahu membebankan lagi barisan hadapan yang semakin keletihan. Kita tidak mahu situasi buruk yang berlaku di India dialami di negara ini.

Bagi mengelakkan penularan COVID-19 bertambah buruk, rakyat Malaysia hendaklah sentiasa menjaga SOP serta keluar rumah jika perlu sahaja. Tanamkan sikap bertanggungjawab dalam diri bagi membantu memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.